

STPM Kertas 1 Set KVK 3:

Soalan 4 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Mengikut Seksyen 57 (1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), kadar peratusan pengagihan untung bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun adalah seperti berikut:
1. Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit jika baki Akaun Kumpulan Wang Rizab Berkanun adalah kurang daripada 50% daripada baki Akaun Modal Saham dan Modal Yuran.
 2. Tidak kurang daripada 15% daripada untung bersih teraudit jika baki Akaun Kumpulan Wang Rizab Berkanun adalah 50% atau lebih tetapi kurang daripada 100% baki Akaun Modal Saham dan Modal Yuran.
 3. Akta tidak memberi kadar peratusan pengagihan bagi koperasi yang mempunyai baki Akaun Kumpulan Wang Rizab Berkanun yang berjumlah 100% dan lebih berbanding dengan baki Akaun Modal Saham dan Modal Yuran. Dalam kes ini, kadar pengagihan boleh ditetapkan oleh koperasi itu sendiri.

Walau bagaimanapun, Akta Koperasi telah memberi kuasa kepada Suruhanjaya Koperasi di mana dari semasa ke semasa Suruhanjaya Koperasi boleh menentukan suatu bahagian berlainan daripada untung bersih teraudit. Arahan statutori yang terkini dari Suruhanjaya Koperasi menetapkan kadar sebanyak 8% daripada untung bersih teraudit bagi setiap koperasi kecuali koperasi yang mempunyai baki Akaun Kumpulan Wang Rizab Berkanun yang berjumlah 100% dan lebih berbanding dengan baki Akaun Modal Saham dan Modal Yuran.

- (b) (i) Penyediaan penyata pendapatan komprehensif:

Koperasi Petani Moden Sungai Jawi Berhad		
Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2020		
	RM	RM
Untung kasar		48,650
Tambah: Hasil lain		
Derma	1,500	
Yuran masuk	240	1,740
		50,390
Tolak: Belanja operasi		
Hutang lapuk	370	
Belanja hutang ragu	78	
Belanja susut nilai peralatan kedai	3,036	
Belanja runcit	380	
Belanja mesyuarat	540	
Cukai tanah dan taksiran kedai	400	
Belanja insurans (800 – 200)	600	
Belanja kadar bayaran	1,940	
Belanja upah dan gaji (12,800 + 1,200)	14,000	
Belanja faedah deposit ahli	380	
Belanja faedah pinjaman bank	500	22,224
Pendapatan bersih		28,166

(ii) Penyediaan penyata pembahagian untung rugi

Koperasi Petani Moden Sungai Jawi Berhad		
Penyata Pembahagian Untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020		
	RM	RM
Pendapatan bersih		28,166
Tolak: Pembahagian berkanun		
Kumpulan Wang Rizab berkanun (12%)	3,380	
Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi (2%)	563	
Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi (1%)	282	4,225
		23,941
Tolak: Pembahagian lain		
Dividen modal saham (10% x 32,600)	3,260	
Elaun Pembekalan hasil tani (6% x 124,500)	7,470	
Tabung Kebajikan ahli koperasi (8% x 23,941)	1,915	
Elaun kehormat (10% x 23,941)	2,394	15,039
		8,902
Tambah: Keuntungan terkumpul awal tahun		27,150
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		36,052

(iii) Penyediaan penyata kedudukan kewangan:

Koperasi Petani Moden Sungai Jawi Berhad			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020			
	RM	RM	RM
Aset bukan semasa			
Kedai Koperasi			78,500
Peralatan kedai		23,600	
(-) Susut nilai terkumpul peralatan kedai		11,456	12,144
			90,644
Aset semasa			
Inventori		3,480	
Akaun belum terima	11,900		
(-) Peruntukan hutang ragu	238	11,662	
Insurans prabayar		200	
Bank		28,110	
		43,452	
Liabiliti semasa			
Akaun belum bayar	11,480		
Upah dan gaji belum bayar	1,200		
Elaun pembekalan hasil tani	7,470		
Dividen dicadangkan	3,260		
Elaun kehormat	2,394		
Deposit ahli	6,400		
Kumpulan wang pembangunan koperasi	282	32,486	

Aset semasa bersih (modal kerja)			10,966
			101,610
Dibiayai oleh:			
Kumpulan Wang Anggota			
Modal saham		32,600	
Keuntungan terkumpul		36,052	
Kumpulan wang rizab pendidikan		2,363	
Kumpulan wang kebajikan ahli koperasi		1,915	72,930
Kumpulan Wang Rizab Berkanun			18,680
Liabiliti Jangka Panjang			
Pinjaman bank			10,000
			101,610